

**Harumkan Nama Negara, Kata Najib Kepada Perenang Selat Inggeris
Bernama
15 September, 2012
Daripada Mustaza Mohd Yusoff**

DOVER, 15 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mahu perenang daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengharumkan nama negara dalam usaha untuk menawan Selat Inggeris dalam cuaca dingin Ahad.

Mesej Perdana Menteri itu disampaikan menerusi setiausaha akhbar beliau, Datuk Akmar Hisham Mohkhles, pada taklimat ringkas di Varne Ridge, Channel Swimming Holiday Park and Bungalow di sini Jumaat.

Akmar, dalam ucapannya berkata bukan hanya orang tersayang akan mendoakan keselamatan dan kejayaan mereka, malah juga setiap rakyat Malaysia.

Beliau kemudiannya menyampaikan kepada 14 perenang berkenaan, jurulatih dan pembimbing mereka dengan topi besbol yang ditandatangani khas oleh Najib, sebagai tanda sokongan dan menaikkan semangat mereka.

Akmar, yang tiba dari London dengan Ketua Pegawai Eksekutif Kelab Eksplorasi Tujuh Benua Malaysia Muhamad Muqharabbin Mokhtaruddin, disambut oleh Mej (B) Mokhtaruddin Ismail, pengurus pasukan di Varne Ridge, tempat penginapan perenang berkenaan sejak tiga minggu lepas.

Dua pasukan perenang ATM, terdiri daripada perenang solo dan berganti-ganti dijadual memulakan cabaran menawan Selat Inggeris pada 16 Sept, sempena Hari Malaysia dan juga Hari Angkatan Tentera, dari Dover ke Calais di Perancis.

Acara itu dianjurkan Kelab Eksplorasi Tujuh Benua Malaysia dan Perdana Menteri selaku penaung.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695001>